



SURAT EDARAN KEWANGAN BIL.8 / 2023

Ketua Jabatan
Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

PERINGATAN BERKAITAN PENGHANTARAN MAKLUMAT UNTUK PENGELUARAN INVOIS TUNTUTAN BAGI PENGGUNAAN PERKHIDMATAN RAWATAN DAN PEMBEKALAN YANG DIBERIKAN OLEH HCTM KEPADA PESAKIT PUSAT PAKAR UKM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran Bendahari (KKL) Bil 2/2020 bertarikh 31 Januari 2020 adalah berkaitan.

Untuk makluman YBhg. Prof. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, semakan mendapati sehingga kini masih terdapat beberapa jabatan/ klinik-klinik/ wad/ makmal/ farmasi, lewat mengemukakan data berkaitan perkhidmatan rawatan dan pembekalan yang diberikan kepada pesakit Pusat Pakar UKM. Berdasarkan rekod, didapati segelintir jabatan mengambil masa antara dua (2) ke tiga (3) bulan untuk mengemukakan data tuntutan kepada Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pengeluaran invois tuntutan dikeluarkan kepada UKM Kesihatan Sdn Bhd dalam tempoh yang ditetapkan, mohon kerjasama YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengemukakan data tuntutan berkaitan kepada Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan **selewat-lewatnya pada 10hb. setiap bulan** untuk pengeluaran invois. Kegagalan Pusat/ Bahagian/ Unit mengemukakan data tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan hasil hospital tidak dapat dikutip.



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

BAHAGIAN HASIL, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon+603-9145 5555 (Operator), 5228, 5233, 5232, 7972, 4923 E-mel: hasil@kew@ppukm.ukm.edu.my

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my

Sekian, segala kerjasama YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A. (M)

Ketua

Jabatan Kewangan, HCTM

- s.k - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin**
 Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- **YBhg. Dato' Dr Azmi bin Baharudin**
 Pengarah Perubatan, Pusat Pakar UKM



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

BAHAGIAN HASIL, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOK TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon+603-9145 5555 (Operator), 5228, 5233, 5232, 7972, 4923 E-mel: hasiljkeu@ppukm.ukm.edu.my

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my